

# PHARMANIAGA CEPHALEXIN SUSPENSION

Cephalexin (125mg per 5ml, 250mg per 5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Pharmaniaga Cephalexin Suspension
2. Bagaimana Pharmaniaga Cephalexin Suspension berfungsi
3. Sebelum mengambil Pharmaniaga Cephalexin Suspension
4. Cara pengambilan Pharmaniaga Cephalexin Suspension
5. Semasa mengambil Pharmaniaga Cephalexin Suspension
6. Kesan-sesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Cephalexin Suspension
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Pharmaniaga Cephalexin Suspension

Pharmaniaga Cephalexin Suspension tergolong dalam salah satu kumpulan antibiotik yang dipanggil cephalosporin. Ia digunakan untuk merawat jangkitan dalam darah, jangkitan tulang dan sendi, termasuk jangkitan luka terbakar dan jangkitan saluran kencing yang disebabkan oleh bakteria.

Pharmaniaga Cephalexin Suspension boleh digunakan sebagai satu alternatif kepada rawatan penisilin untuk merawat radang paru-paru dan jangkitan dalam hati disebabkan oleh jangkitan bakteria.

## Bagaimana Pharmaniaga Cephalexin Suspension berfungsi

Cephalexin merupakan antibiotik cephalosporin generasi pertama. Cephalosporin mempunyai keupayaan untuk menghalang penghasilan bakteria seperti penisilin dengan bertindak dengan menghalang penghasilan dinding sel bakteria.

## Sebelum mengambil Pharmaniaga Cephalexin Suspension

### Bila tidak boleh diambil

Jangan mengambil ubat ini jika anda mempunyai alahan terhadap cephalexin atau mana-mana antibiotik cephalosporins yang lain, atau mana-mana bahan dalam kandungan ubat ini

seperti yang disenaraikan pada akhir risalah ini.

### *Hamil dan menyusukan bayi*

- Jangan ambil Pharmaniaga Cephalexin Suspension jika anda hamil atau mungkin hamil.
- Jangan mengambil Pharmaniaga Cephalexin Suspension jika anda menyusukan bayi. Sila dapatkan nasihat dari doktor anda atau ahli farmasi sebelum mengambil mana-mana ubat sekiranya menyusukan bayi.

Sila rujuk kepada doktor anda atau ahli farmasi sekiranya anda tidak pasti adakah anda perlu mengambil ubat ini.

### -Sebelum anda mula mengambil

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi:

- jika anda pernah mengalami alahan atau pernah mempunyai sejarah alahan terhadap cephalosporins, penisilin atau mana-mana antibiotik lain sebelum ini.
- jika anda mempunyai kerosakan pada buah pinggang.
- jika anda merancang untuk hamil atau merancang untuk menyusukan bayi.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil ubat-ubat lain, termasuk mana-mana yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat-ubatan mungkin mempunyai tindak balas dengan penggunaan serentak bersama Pharmaniaga Cephalexin Suspension. Ini termasuk:

- Ubat untuk mencegah kehamilan: Ianya pernah dilaporkan cephalexin akan mengurangkan keberkesanan oestrogen yang terkandung di dalam ubat pencegah kehamilan.
- Ubatan *Nephrotoxic* (ubat untuk merawat toksik pada buah pinggang); seperti *aminoglycosides* atau *diuretic*, contohnya *frusemide*, *ethacrynic acid* dan *piretamide*: Pengambilan serentak bersama Pharmaniaga Cephalexin Suspension mungkin menyebabkan kesan sampingan terhadap fungsi buah pinggang.

## Cara menggunakan Pharmaniaga Cephalexin Suspension

Sentiasa menggunakan ubat ini sepetimana yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Baca arahan pada label dengan teliti. Berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi sekiranya anda tidak pasti.

Arahan untuk pembancuhan: Goncang botol untuk meleraikan serbuk. Tambah air yang baru dimasak dan air sejuk dan goncang ratakan. Tambah air sehingga mencapai takat jumlah yang dikehendaki. Ubat ini mesti digunakan dalam tempoh 7 hari selepas bancuhan. Goncang bekas dengan baik setiap kali sebelum digunakan.

### -Berapa banyak yang harus digunakan

Ikat arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza daripada kandungan maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Dewasa: 1-2g sehari diberi dalam dos yang berbahagi pada selangan 6,8 atau 12 jam.

Bayi dan Kanak-kanak:

25-100mg setiap kg berat badan setiap hari dalam dos yang berbahagi sehingga maksimum 4g sehari.

Regimen dos biasa untuk bayi dan kanak-kanak:

Bawah 1 tahun – 62.5mg sehingga 125mg dua kali sehari.

1 sehingga 5 tahun – 125mg tiga kali sehari.

5 sehingga 12 tahun – 250mg tiga kali sehari.

### -Bila perlu digunakan

Ambil ubat ini seperti yang dipreskripsikan kepada anda sebelum makan dan ikut arahan dengan teliti seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

**Berapa lama perlu digunakan**

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

**Jika terlupa menggunakan**

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa mengambil ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos yang seterusnya, abaikan dos yang terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada waktu biasa. Jangan ambil dos yang berganda untuk mengantikan dos yang tertinggal.

**Jika mengambil dos berlebihan**

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan di hospital terdekat, jika anda merasakan anda atau orang lain mengambil dos yang berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Antara gejala dan simptom pengambilan ubat ini secara berlebihan ialah loya, muntah, sakit perut, cirit-birit dan kehadiran darah dalam air kencing anda.

**Semasa menggunakan Pharmaniaga Cephalexin Suspension**

**Perkara yang perlu dilakukan**

Ambil ubat ini mengikut arahan doktor anda.

Beritahu doktor dan ahli farmasi anda sekiranya anda mengalami alahan semasa pengambilan ubat ini. Anda mungkin memerlukan nasihat doktor sebelum mengambil ubat ini jika anda mempunyai atau pernah mengalami tindak balas alahan sebelum ini semasa pengambilan mana-mana antibiotik terutamanya penisilin.

Beritahu doktor anda dan ahli farmasi mengenai sebarang ubat preskripsi dan bukan preskripsi yang anda ambil,

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai atau pernah mempunyai penyakit buah pinggang atau penyakit hati, ulcer atau masalah perut.

Jika anda menjalani pembedahan, termasuk pembedahan pergigian, maklumkan kepada doktor atau doktor gigi bahawa anda sedang mengambil ubat ini.

Jika anda mengalami cirit-birit teruk, beritahu doktor atau ahli farmasi dengan segera. Cirit-birit menandakan anda mempunyai keadaan yang serius yang menjelaskan usus anda. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera. Jangan mengambil sebarang ubat untuk menghentikan cirit-brit tanpa terlebih dahulu diperiksa oleh doktor atau ahli farmasi.

Jika anda akan mengambil ujian darah atau air kencing, beritahu doktor bahawa anda sedang mengambil ubat ini. Pharmaniaga Cephalexin Suspension mungkin boleh menjelaskan keputusan ujian yang dijalankan.

Jika jangkitan anda menjadi lebih teruk atau tiada perubahan dalam masa beberapa hari atau mengalami jangkitan baru, berjumalah dengan doktor anda atau ahli farmasi dengan kadar segera.

**Perkara yang tidak boleh lakukan**

Jangan berhenti mengambil ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda walaupun selepas anda merasa lebih baik. Berhenti mengambil ubat ini hanya apabila diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa terlebih dahulu berbincang dengan doktor anda.

Jangan berkongsi Pharmaniaga Cephalexin Suspension dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama seperti anda.

**Perkara yang perlu diberi perhatian**

**Memandu dan menggunakan jentera**

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor dengan segera.

**Kesan-sesan sampingan**

Seperti ubat-ubat lain, Pharmaniaga Cephalexin Suspension boleh menyebabkan kesan sampingan,

walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil ubat ini. Anda mungkin tidak akan mengalami mana-mana kesan berikut:

- Loya dan muntah-muntah
- Cirit-brit
- Sakit perut
- Reaksi alahan seperti ruam kulit. Antara simptom alahan ialah kesukaran untuk bernafas atau menelan, bengkak muka, bibir, lidah, tekak atau bahagian badan yang lain, sakit otot dan sendi, kegatalan, ruam pada kulit.
- Simptom *Neutropenia* yang menyebabkan peningkatan untuk mendapatkan jangkitan. Antara tandanya ialah demam, kebas mulut, jangkitan paru-paru, batuk dan lain-lain

Jangkitan berulang terhadap mikroorganisma tentang mungkin muncul semasa pengambilan, walaubagaimanapun ianya sangat jarang berlaku. Berhenti pengambilannya dan segera hubungi doktor anda atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat dengan kadar segera.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera atau rawatan di hospital. Kesan-sesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas boleh berlaku pada sesetengah pesakit. Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami apa-apa yang membuat anda rasa tidak sihat.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549 atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF)/ Vaccine (AEFI)*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Cephalexin Suspension**

Simpan semua ubat daripada penglihatan dan jangkaan kanak-kanak.

Jangan mengambil ubat ini selepas tarikh tamat tempoh yang tertera pada pek bungkusan. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir pada bulan berkenaan.

**-Penyimpanan**

*Pharmaniaga Cephalexin Suspension*

*125mg/5ml*

Simpan ubat ini di tempat di mana suhunya sentiasa dibawah 30°C. Lindungi dari cahaya dan pastikan botol ditutup rapat

*Pharmaniaga Cephalexin Suspension*

*250mg/5ml*

Simpan ubat ini di tempat di mana suhunya sentiasa dibawah 25°C. Lindungi dari cahaya dan pastikan botol ditutup rapat

-Bahan tidak aktif: *Tutti Frutti Flavour, Castor Sugar, Sunset Yellow, Sodium Benzoate, Sodium Saccharin, Talcum, Carboxymethylcellulose, Sodium Dihydrogen Phosphate, Sodium Bicarbonate*

*Pharmaniaga Cephalexin Suspension*

*250mg/5ml*

-Bahan aktif: Setiap 5ml selepas pembancuan mengandungi 250mg Cephalexin

-Bahan tidak aktif: *Talcum, Colloidal Silicon Dioxide, Carboxymethylcellulose Sodium, Quinoline Yellow, Refined Sugar, Tutti Frutti Flavour, Sodium Phosphate Monobasic, Sodium Saccharin, Sodium Bicarbonate*

**-Pelupusan**

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat Lanjut**

**-Rupa dan warna produk**

*Pharmaniaga Cephalexin Suspension*

*125mg/5ml:*

Sebelum pembancuan: Serbuk berwarna putih ke putih pucat, bebas daripada kekotoran.

Selepas pembancuan: Larutan suspensi berwarna oren yang likat, mengalir dengan bebas dan seragam, bebas daripada kekotoran.

*Pharmaniaga Cephalexin Suspension*

*250mg/5ml*

Sebelum pembancuan: Serbuk kuning muda dengan aroma buah-buahan.

Selepas pembancuan: Larutan suspensi berwarna kuning muda yang manis dan likat dengan rasa buah-buahan.

**-Bahan-bahan kandungan:**

*Pharmaniaga Cephalexin Suspension*

*125mg/5ml*

-Bahan aktif: Setiap 5ml selepas pembancuan mengandungi 125mg Cephalexin

**-Nombor MAL**

*Pharmaniaga Cephalexin Suspension*

*125mg/5ml*

MAL19940383AZ

*Pharmaniaga Cephalexin Suspension*

*250mg/5ml*

MAL19973678AZ

**Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk:**

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D),

11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP:**

16/7/2018

**Nombor Siri**

NPRA(R4/1)160718/00196